

10 SEP 1997

## BON TANDA ARAS PERTAMA KHAZANAH NASIONAL DITERBIT PADA 18 SEPT

KUALA LUMPUR, 10 Sept (Bernama) -- Bon tanda aras pertama Khazanah Nasional Bhd bernilai RM1 bilion dengan tempoh pegangan tiga tahun, yang akan digunakan untuk menyokong pasaran saham, akan diterbitkan pada 18 Sept, 1997.

Khazanah Nasional, syarikat pelaburan kerajaan, berkata terbitan bon itu akan dibuka untuk tender melalui Sistem Tender Berautomatik (FAST) Bank Negara mulai 11 Sept, 1997.

Menurut kenyataan yang dikeluarkan oleh Khazanah, adalah diharapkan bahawa dengan pertumbuhan terbitan-terbitan tanda aras itu, pasaran sekunder untuk bon akan menjadi lebih cekap dan cergas.

Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan, Datuk Seri Anwar Ibrahim, malam ini melancarkan bon tanda aras Khazanah yang bertujuan merangsangkan lagi pertumbuhan pasaran sekuriti Malaysia.

Bon berkenaan, seperti yang diumumkan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad minggu lepas, akan digunakan sebagai sebahagian daripada dana RM60 bilion untuk menyokong Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL) yang menghadapi tekanan jualan yang teruk baru-baru ini tetapi kini telah pulih.

Penandatanganan untuk menandakan pelancarannya akan dibuat oleh Khazanah Nasional, penerbit bon tanda aras itu, PB Trustee Services Bhd, bagi pihak pemegang-pemegang bon dan Bank Negara selaku pendepositori dan agen pembayaran.

Pengenalan bon tanda aras Khazanah itu juga akan dapat membantu membangunkan pasaran hadapan bon dan opsyen untuk memberi nafas tambahan kepada pasaran derivatif kewangan.

Menurut Khazanah, pasaran ekuiti di Malaysia hari ini telah berkembang dengan pesatnya dan BSKL masih merupakan bursa saham yang terbesar dari segi permodalan pasaran di rantau Asean.

Walau bagaimanapun, perkembangan pasaran hutang masih lagi jauh kebelakang berbanding dengan pasaran ekuiti.

"Beberapa faktor telah dikenal pasti sebagai penyebab kelembapan perkembangan pasaran hutang dan salah satu daripadanya ialah ketiadaan penanda lengkok pulangan bagi pasaran bon Ringgit," tambah kenyataan itu.

Penanda lengkok pulangan adalah penting bagi membantu menentukan harga bon di peringkat pasaran utama dan kedua dan juga sebagai penunjuk kadar faedah semasa serta jangkaan kadar faedah pasaran.

Khazanah berkata dengan wujudnya penentu harga yang cekap bagi bon di dalam pasaran modal, bon tanda aras boleh membantu memperkembangkan pasaran bon korporat.

Sejajar dengan usaha kerajaan untuk menggalakkan lebih banyak simpanan di kalangan orang awam, syarikat amanah saham dan institusi perbankan kini akan dapat menawarkan instrumen pelaburan tambahan dalam bentuk dana bon dan skim simpanan berkaitan bon.

Khazanah berkata bahawa sebagai sebuah syarikat milik penuh kerajaan, ia telah dipertanggungjawabkan untuk membuat pelaburan dan menguruskannya bagi memaksimumkan pulangan kepada kerajaan.

Antara ciri utama program terbitan bon tanda aras Khazanah adalah; bon tanpa kupon berdasarkan konsep murabahah; dijamin penuh oleh kerajaan; diterbitkan setiap tiga bulan dengan tempoh kematangan tiga, lima, tujuh dan 10 tahun.

Selain itu, jumlah terbitan tidak akan kurang daripada RM500 juta

setiap terbitan dan bahawa ia tidak layak mendapat taraf harta cair tetapi ia akan diambilkira di dalam menentukan jumlah urus niaga bagi tujuan-tujuan liabiliti.

Tempoh matang akan bermula pada peringkat yang lebih pendek kemudiannya dividen dengan tempoh yang lebih panjang dan berbida kompetitif berdasarkan harga melalui Peniaga Utama dengan sistem FAST Bank Negara dan akan diurus niagakan di Sistem Perniagaan Sekuriti Tanpa Skrip (SSTS). -- BERNAMA

MR SIA